

35/KLIA/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

4 ULAT WARGA ASING DITAHAN DI KLIA

SEPANG, 8 Ogos 2025 – Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan kerjasama Keselamatan Penerbangan (AVSEC) berjaya menahan empat lelaki warganegara Bangladesh yang disyaki terlibat dalam kegiatan 'ulat' emas dan telefon pintar. Penahanan dalam operasi di Terminal 1 itu dibuat hasil risikan awal dan pemprofilan oleh pihak AVSEC.

Dalam operasi tersebut, pelbagai barangan dengan jumlah anggaran keseluruhan RM187,742.10 telah dirampas. Antara barangan yang dirampas termasuklah tiga (3) unit barang kemas dipercayai emas dengan anggaran nilai RM160,000.00, 12 unit telefon pintar pelbagai jenama yang dianggarkan bernilai RM22,700.00, wang tunai sebanyak RM5,042.10, dan lima pasport antarabangsa milik warganegara Bangladesh.

Kesemua suspek telah ditahan dan disiasat di bawah Akta Imigresen 1959/63. Tiga (3) daripada mereka disyaki melanggar Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 kerana melanggar syarat pas yang diberikan, manakala seorang (1) lagi disyaki melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) akta yang sama kerana memasuki dan berada di Malaysia tanpa pas atau permit yang sah.

Laporan polis telah dibuat susulan penahanan dan rampasan tersebut. Kesemua individu tersebut diserahkan kepada Bahagian Penguat kuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Selangor untuk siasatan lanjut serta proses pendakwaan mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan.

SIARAN MEDIA

Kejayaan ini membuktikan kerjasama dan keberkesanan pasukan keselamatan di pintu masuk negara dalam membanteras aktiviti penyeludupan serta menyekat kemasukan elemen-elemen tidak diingini yang boleh menggugat keselamatan dan kedaulatan negara.

Gambar berkaitan:

https://drive.google.com/drive/folders/1CvGqsgp1NgEivqk5VW9I4yytXVTelVX?usp=drive_link

TAMAT

8 OGOS 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI